



14 Jun 2011
14 June 2011
P.U. (A) 192

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN SEWA BELI (PERMOHONAN PERMIT DAN TATACARA PEMILIKAN SEMULA BARANGAN) 2011

HIRE-PURCHASE (APPLICATION OF PERMIT AND PROCEDURE OF REPOSSESSION) REGULATIONS 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SEWA BELI 1967

PERATURAN-PERATURAN SEWA BELI (PERMOHONAN PERMIT DAN TATACARA
PEMILIKAN SEMULA BARANGAN) 2011

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
PERMIT

3. Permit diperlukan untuk menjalankan pemilikan semula barangan yang terkandung dalam perjanjian sewa beli
4. Keperluan menjadi ejen pemilikan semula
5. Permohonan untuk permit
6. Permit
7. Pembaharuan permit
8. Permit pengganti
9. Penarikan balik, pembatalan atau penggantungan permit
10. Kesan penarikan balik, pembatalan atau penggantungan permit
11. Kuasa untuk mengenakan syarat baru dan untuk mengubah atau membatalkan syarat
12. Penggunaan permit yang dilarang
13. Penyerahan balik permit

BAHAGIAN III
TATACARA PEMILIKAN SEMULA

Peraturan

14. Penyampaian notis
15. Notis oleh tuan punya
16. Butiran untuk diberi
17. Perincian perintah pemilikan semula
18. Waktu operasi
19. Penyenggaraan rekod oleh tuan punya
20. Penyenggaraan rekod oleh ejen pemilikan semula
21. Rekod mengenai ejen pemilikan semula

BAHAGIAN IV

AM

22. Kenyataan palsu atau mengelirukan
23. Pelanggaran atau ketidakpatuhan Peraturan-Peraturan ini
24. Pembatalan

Jadual

AKTA SEWA BELI 1967

PERATURAN-PERATURAN SEWA BELI (PERMOHONAN PERMIT DAN TATACARA
PEMILIKAN SEMULA BARANGAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 57(2)(b) Akta Sewa Beli 1967 [Akta 212], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Sewa Beli (Permohonan Permit dan Tatacara Pemilikan Semula Barangan) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2011.

Tafsiran

2. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Sewa Beli 1967;

“barangan” ertinya barangan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta dan seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta;

“permit” ertinya suatu permit untuk menjalankan pemilikan semula barangan yang terkandung dalam perjanjian sewa beli di bawah Peraturan-Peraturan ini;

“ejen pemilikan semula” ertinya seorang yang diberi permit yang sah di bawah Peraturan-Peraturan ini.

BAHAGIAN II

PERMIT

Permit diperlukan untuk menjalankan pemilikan semula barangan yang terkandung dalam perjanjian sewa beli

3. Tiada sesiapa pun boleh menjalankan pemilikan semula barangan yang terkandung dalam perjanjian sewa beli tanpa diberikan permit oleh Pengawal di bawah peraturan 6.

Keperluan menjadi ejen pemilikan semula

4. (1) Mana-mana orang yang ingin memohon permit untuk menjalankan pemilikan semula barangan yang terkandung dalam perjanjian sewa beli hendaklah memenuhi keperluan yang berikut:

- (a) telah mencapai umur dua puluh satu tahun;
- (b) seorang warganegara Malaysia;
- (c) tidak disabitkan dengan mana-mana kesalahan berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini 1969 [*Akta 7*]; dan
- (d) apa-apa keperluan lain yang boleh ditentukan oleh Pengawal.

Permohonan untuk permit

5. (1) Suatu permohonan untuk permit hendaklah dalam Borang ASB 1 dan hendaklah dikemukakan kepada Pengawal.

(2) Pengawal boleh, pada bila-bila masa selepas menerima permohonan di bawah subperaturan (1) dan sebelum ianya ditentukan, melalui satu notis bertulis menghendaki pemohon untuk memberi dokumen tambahan atau maklumat yang berkenaan sebagaimana yang Pengawal fikirkan perlu.

(3) Jika mana-mana dokumen tambahan atau maklumat yang diperlukan di bawah subperaturan (2) tidak diperuntukkan oleh pemohon dalam masa yang dinyatakan di dalam notis atau apa-apa perlanjutan yang diberikan oleh Pengawal, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak lagi diteruskan, tetapi tanpa prejudis kepada permohonan baru dibuat oleh pemohon.

(4) Suatu permohonan di bawah peraturan ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum ianya diluluskan atau ditolak.

Permit

6. (1) Suatu permit yang diberikan atau diperbaharui hendaklah sah laku untuk suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh pengeluarannya, atau dua tahun dari tarikh tamat sah laku permit yang diperbaharui itu.

(2) Tiap-tiap permit yang diberi hendaklah dalam Borang ASB 2 dan hendaklah terus sah sehingga tarikh tamat sah lakunya atau ia ditarik balik, dibatalkan atau digantung di bawah peraturan 9.

Pembaharuan permit

7. (1) Suatu permohonan untuk pembaharuan permit hendaklah dalam Borang ASB 1 dan hendaklah dikemukakan tidak kurang daripada satu bulan sebelum tarikh tamat sah laku permit.

(2) Ejen pemilikan semula hendaklah membayar fi bagi pembaharuan permit yang dinyatakan dalam Jadual.

Permit pengganti

8. (1) Suatu permohonan untuk permit pengganti hendaklah dibuat kepada Pengawal secara bertulis.

(2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disahkan oleh laporan polis yang dibuat oleh ejen pemilikan semula.

(3) Jika Pengawal berpuas hati dengan alasan kehilangan permit, Pengawal boleh mengeluarkan suatu permit pengganti dalam Borang ASB 2 dengan perkataan "PENDUA" diendorskan di atas permit.

(4) Ejen pemilikan semula hendaklah membayar fi bagi pengeluaran permit pengganti yang dinyatakan dalam Jadual.

Penarikan balik, pembatalan atau penggantungan permit

9. (1) Jika pada pendapat Pengawal seorang ejen pemilikan semula terlibat dalam aktiviti yang melanggar Akta atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, mana-mana undang-undang bertulis atau mana-mana syarat permit, Pengawal boleh menarik balik, membatalkan atau menggantung permit yang diberikan kepada ejen pemilikan semula itu.

(2) Jika penarikan balik, pembatalan atau penggantungan permit di bawah peraturan ini dibuat, mana-mana orang yang terkilan oleh penarikan balik, pembatalan atau penggantungan permitnya boleh dalam 14 hari dari tarikh penarikan balik, pembatalan atau penggantungan itu merayu secara bertulis kepada Menteri.

(3) Keputusan Menteri ke atas rayuan yang dibuat di bawah subperaturan (2) adalah muktamad.

Kesan penarikan balik, pembatalan atau penggantungan permit

10. (1) Berikutan pembatalan permit di bawah peraturan 9, penyerahan balik di bawah peraturan 13, atau tempoh sah laku permit tamat, ejen pemilikan semula hendaklah dengan serta merta berhenti menjalankan pemilikan semula barangan yang terkandung dalam perjanjian sewa beli.

Kuasa untuk mengenakan syarat baru dan untuk mengubah atau membatalkan syarat

11. Pengawal boleh pada bila-bila masa mengenakan syarat baru ke atas permit yang diberikan di bawah peraturan 6, atau mengubah atau membatalkan mana-mana syarat yang dikenakan ke atas permit itu atau di bawah peraturan ini, atau boleh mengubah atau membatalkan mana-mana syarat yang telah diubah di bawah peraturan ini.

Penggunaan permit yang dilarang

12. (1) Tiada sesiapa melainkan ejen pemilikan semula boleh menggunakan permit yang diberikan oleh Pengawal.

(2) Ejen pemilikan semula tidak boleh meminjamkan, memindah milik atau menyerahkan hak perमितnya kepada orang lain.

Penyerahan balik permit

13. (1) Ejen pemilikan semula boleh menyerahkan balik perमितnya pada bila-bila masa dengan menghantarkannya kepada Pengawal dengan notis bertulis mengenai penyerahan balik itu dengan tangan atau pos berdaftar.

(2) Penyerahan balik hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Pengawal menerima permit dan notis di bawah subperaturan (1) atau, jika suatu tarikh yang kemudian dinyatakan di dalam notis, pada tarikh yang kemudian tersebut.

BAHAGIAN III
TATACARA PEMILIKAN SEMULA

Penyampaian notis

14. Tuan punya tidak boleh menyampaikan kepada penyewa suatu notis dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Keempat kepada Akta menurut subseksyen 16(1) dan (1A) Akta melainkan—

- (a) jumlah bayaran ansuran tidak melebihi 75% daripada jumlah harga tunai barangan yang terkandung dalam perjanjian sewa beli dan terdapat kemungkiran bayaran dua kali berturut-turut berhubung dengan bayaran ansuran; atau
- (b) jika jumlah bayaran ansuran adalah melebihi 75% harga keseluruhan tunai barangan yang terkandung dalam perjanjian sewa beli dan terdapat kemungkiran bayaran dua kali berturut-turut berhubung dengan bayaran ansuran dan suatu perintah mahkamah telah diperolehi bagi maksud tersebut.

Notis oleh tuan punya

15. (1) Tuan punya hendaklah, sebagai tambahan kepada notis yang dirujuk dalam peraturan 14, menghantar kepada penyewa suatu notis memberitahu penyewa bahawa tuan punya bercadang hendak mengambil milik barangan yang terkandung dalam perjanjian sewa beli.

(2) Notis tersebut hendaklah dihantar tidak lebih awal daripada 14 hari selepas penyampaian notis yang dirujuk dalam peraturan 14 melalui pos berdaftar.

Butiran untuk diberi

16. Pada menjalankan apa-apa kuasa pemilikan semula barangan menurut seksyen 16 Akta, ejen pemilikan semula, tertakluk kepada peraturan 14, hendaklah mematuhi keperluan berikut:

- (a) mengemukakan dan menunjukkan permit yang diberikan di bawah peraturan 6;
- (b) mengemukakan dan menunjukkan kad pengenalannya; dan
- (c) mengemukakan perintah pemilikan semula yang dikeluarkan oleh tuan punya, atau perintah mahkamah jika pemilikan semula itu dibuat menurut subseksyen 16(1A) Akta.

Perincian perintah pemilikan semula

17. Perintah pemilikan semula yang dikeluarkan oleh tuan punya yang dirujuk dalam perenggan 16(c) hendaklah mengandungi perincian yang berikut:

- (a) nama ejen pemilikan semula;
- (b) nombor permit;
- (c) nama dan alamat tuan punya; dan
- (d) tempat penyimpanan tuan punya.

Waktu operasi

18. (1) Ejen pemilikan semula hendaklah menjalankan pemilikan semula barangan yang terkandung dalam perjanjian sewa beli dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam.

(2) Jika ejen pemilikan semula gagal menjalankan pemilikan semula dalam masa yang ditetapkan di bawah subperaturan (1), dia boleh memohon kepada Pengawal untuk apa-apa perlanjutan masa sebagaimana yang perlu.

Penyenggaraan rekod oleh tuan punya

19. (1) Tiap-tiap tuan punya hendaklah, berkenaan dengan tiap-tiap perjanjian sewa beli, menyenggara dan menyimpan rekod yang lengkap dan sebenar mengenai perkara-perkara yang berikut:

- (a) tarikh mula kuat kuasa perjanjian sewa beli dan tarikh perjanjian itu ditandatangani;
- (b) nombor rujukan perjanjian sewa beli;
- (c) perihal barangan yang terkandung dalam perjanjian sewa beli;
- (d) harga tunai barangan;
- (e) amaun yang telah dibayar atau diberi sebagai deposit;
- (f) amaun setiap satu ansuran bulanan yang dibayar oleh penyewa;
- (g) satu salinan setiap satu resit yang dikeluarkan oleh tuan punya berkenaan dengan mana-mana ansuran yang dibayar, yang hendaklah mengandungi butiran jumlah wang yang diterima daripada penyewa dan tarikh resit itu dikeluarkan; dan
- (h) perincian atau rekod berkenaan dengan lelongan awam.

(2) Butiran rekod hendaklah dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris dan hendaklah disenggarakan dan disimpan menurut subperaturan (1) untuk tempoh 7 tahun dari tarikh pelaksanaan rekod tersebut.

(3) Mana-mana orang yang enggan memberikan apa-apa maklumat atau dokumen atau memberikan maklumat palsu atau mengelirukan di bawah subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Penyenggaraan rekod oleh ejen pemilikan semula

20. (1) Tiap-tiap ejen pemilikan semula hendaklah, berhubung dengan tiap-tiap aktiviti pemilikan semula, menyenggara dan menyimpan rekod yang lengkap dan sebenar mengenai perkara-perkara yang berikut:

- (a) rekod perintah pemilikan semula yang dikeluarkan kepada ejen pemilikan semula oleh tuan punya; dan
- (b) perihal barangan yang dimiliki semula itu.

(2) Butiran rekod yang dirujuk dalam subperaturan (1) hendaklah dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris dan hendaklah disenggara dan disimpan untuk tempoh 7 tahun dari tarikh pelaksanaan rekod tersebut.

(3) Mana-mana ejen pemilikan semula yang enggan memberikan apa-apa maklumat atau memberikan maklumat palsu atau mengelirukan di bawah subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Rekod mengenai ejen pemilikan semula

21. Tiap-tiap tuan punya hendaklah, berkenaan dengan tiap-tiap perjanjian sewa beli, menyenggara dan menyimpan rekod yang lengkap, sebenar dan kemas kini mengenai

nama dan alamat ejen pemilikan semula yang dikenakan tanggungjawab untuk mengambil milik barangan menurut seksyen 16 Akta.

BAHAGIAN IV

AM

Kenyataan palsu atau mengelirukan

22. Mana-mana orang yang memberikan apa-apa butiran dalam memohon permit di bawah peraturan 5 yang diketahui olehnya adalah palsu atau, dalam apa-apa hal yang matan, mengelirukan adalah melakukan suatu kesalahan.

Pelanggaran atau ketidakpatuhan Peraturan-Peraturan ini

23. Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Pembatalan

24. Peraturan-Peraturan Sewa-Beli (Pengambilan Semula Milik dan Penyelenggaraan Rekod-Rekod oleh Pemunya) 1976 [*P.U. (A) 1/1977*] yang disiarkan pada 6 Januari 1977 dibatalkan.

JADUAL

FI

(peraturan 9)

Peraturan	Perkara	Jumlah Fi (RM)
1. Peraturan 6	Pengeluaran permit	10.00 setahun
2. Peraturan 7	Pembaharuan permit	10.00 setahun
3. Peraturan 8	Penggantian permit	20.00 setiap penggantian

Dibuat 13 Jun 2011
[KPDN(BUU)(PU2)26/5/16; PN(PU2) 317/II]

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan*

HIRE-PURCHASE ACT 1967

HIRE-PURCHASE (APPLICATION OF PERMIT AND PROCEDURE OF REPOSSESSION)
REGULATIONS 2011

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretations

PART II

PERMIT

3. Permit required to undertake repossession of goods comprised in a hire-purchase agreement
4. Requirement to be a repossession agent
5. Application for permit
6. Permit
7. Renewal of permit
8. Replacement permit
9. Revocation, cancellation or suspension of permit
10. Effect of revocation, cancellation or suspension of permit
11. Power to impose new conditions and to vary or revoke conditions
12. Prohibited use of permit
13. Surrender of permit

PART III
PROCEDURE FOR REPOSSESSION

Regulation

14. Service of notice
15. Notice by owner
16. Particulars to be furnished
17. Details of repossession order
18. Operation hours
19. Maintenance of records by the owner
20. Maintenance of records by the repossession agent
21. Records of repossession agent

PART IV
GENERAL

22. False or misleading statement
23. Contravention or failure to comply with these Regulations
24. Revocation

Schedule

HIRE-PURCHASE ACT 1967

HIRE-PURCHASE (APPLICATION OF PERMIT AND PROCEDURE OF REPOSSESSION)
REGULATIONS 2011

IN exercise of the powers conferred by paragraph 57(2)(b) of the Hire-Purchase Act 1967 [Act 212], the Minister makes the following regulations:

PART I
PRELIMINARY

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Hire-Purchase (Application of Permit and Procedure of Repossession) Regulations 2011**.

(2) These Regulations come into operation on 15 June 2011.

Interpretations

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Act” means Hire-Purchase Act 1967;

“goods” means the goods specified in the First Schedule of the Act and as defined under section 2 of the Act;

“permit” means a permit to undertake repossession of goods comprised in a hire-purchase agreement under these Regulations;

“repossession agent” means a person granted with a valid permit under these Regulations.

PART II
PERMIT

Permit required to undertake repossession of goods comprised in a hire-purchase agreement

3. No person shall undertake repossession of goods comprised in a hire-purchase agreement without being granted a permit by the Controller under regulation 6.

Requirement to be a repossession agent

4. (1) Any person who desires to apply for a permit to undertake repossession of goods comprised in a hire-purchase agreement shall fulfill the following requirements:

(a) has attained the age of twenty-one years;

(b) is a Malaysian citizen;

(c) has not been convicted of any registrable offence specified under the Registration of Criminals and Undesirable Persons Act 1969 [Act 7]; and

(d) any other requirement that may be determined by the Controller.

Application for permit

5. (1) An application for a permit shall be in Form ASB 1 and shall be submitted to the Controller.

(2) The Controller may, at any time after receiving the application under subregulation (1) and before it is determined, by a written notice require the applicant to provide such additional document or information as the Controller deems necessary.

(3) Where any additional document or information required under subregulation (2) is not provided by the applicant within the time specified in the written notice or any extension thereof given by the Controller, the application shall be deemed to be withdrawn and shall not be further proceed with, but without prejudice to a fresh application being made by the applicant.

(4) An application under this regulation may be withdrawn at any time before it is approved or refused.

Permit

6. (1) A permit granted or renewed shall be valid for a period not exceeding two years from the date of its issuance, or two years from the date of expiry of the permit which is renewed.

(2) Every permit granted shall be in Form ASB 2 and shall continue to be valid until its expiry date or it is revoked, cancelled or suspended under regulation 9.

Renewal of permit

7. (1) An application for the renewal of permit shall be in Form ASB 1 and shall be submitted not less than one month before the date of expiry of the permit.

(2) The repossession agent shall pay the fee for the renewal of the permit specified in the Schedule.

Replacement permit

8. (1) An application for a replacement permit shall be made to the Controller in writing.

(2) An application under subregulation (1) shall be verified by a police report made by the repossession agent.

(3) Where the Controller is satisfied with the reason for the loss of the permit, the Controller may issue a replacement permit in Form ASB 2 with the word “DUPLICATE” endorsed on the permit.

(4) The repossession agent shall pay the fee for the issuance of the replacement permit specified in the Schedule.

Revocation, cancellation or suspension of permit

9. (1) Where in the opinion of the Controller a repossession agent engages in activities that contravenes the Act or any regulations made thereunder, any other written law or any conditions of the permit, the Controller may revoke, cancel or suspend the permit granted to the repossession agent.

(2) If the revocation, cancellation or suspension of a permit under this regulation is made, any person who is aggrieved by the revocation, cancellation or suspension of his permit may within 14 days of such revocation, cancellation or suspension appeal in writing to the Minister.

(3) The decision of the Minister on the appeal made under subregulation (2) shall be final.

Effect of revocation, cancellation or suspension of permit

10. Upon revocation of a permit under regulation 9, its surrender under regulation 13, or the expiry of the permit, the repossession agent shall immediately cease to undertake repossession of goods comprised in a hire-purchase agreement.

Power to impose new conditions and to vary or revoke conditions

11. The Controller may at any time impose new conditions on a permit granted under regulation 6, or vary or revoke any condition imposed on such permit or under this regulation, or may vary or revoke any condition already varied under this regulation.

Prohibited use of permit

12. (1) No person other than the repossession agent shall use a permit granted by the Controller.

(2) A repossession agent shall not lend, transfer or assign his permit to another person.

Surrender of permit

13. (1) A repossession agent may surrender his permit at any time by forwarding it to the Controller with a written notice of its surrender by hand or registered post.

(2) The surrender shall take effect on the date the Controller received the permit and the notice under subregulation (1) or, where a later date is specified in the notice, on that later date.

PART III

PROCEDURE FOR REPOSSESSION

Service of notice

14. An owner shall not serve on the hirer a notice in the form set out in the Fourth Schedule to the Act pursuant to subsections 16(1) and (1A) of the Act unless—

(a) the payment of installments amounts to not more than 75% of the total cash price of the goods comprised in the hire-purchase agreement and there had been two successive defaults of payment in respect of the payment of installments; or

(b) where the payment of installments amounts to more than 75% of the total cash price of the goods comprised in the hire-purchase agreement and there

had been two successive defaults of payment in respect of to the payment of installments and a court order has been obtained to that effect.

Notice by owner

15. (1) An owner shall, in addition to the notice referred to in regulation 14, send to the hirer a notice informing the hirer that the owner intends to take possession of the goods comprised in the hire-purchase agreement.

(2) Such notice shall be sent not earlier than 14 days after the service of the notice referred to in regulation 14 by registered post.

Particulars to be furnished

16. In exercising any power of repossession of goods pursuant to section 16 of the Act, a repossession agent, subject to regulation 14, shall comply with the following requirements:

(a) produce and show the permit granted under regulation 6;

(b) produce and show his identity card; and

(c) produce the repossession order issued by the owner, or the court order if the repossession is made pursuant to subsection 16(1A) of the Act.

Details of repossession order

17. The repossession order issued by the owner referred to in paragraph 16(c) shall contain the following details:

(a) the name of the repossession agent;

(b) the permit number;

- (c) the name and address of the owner; and
- (d) the storage place of the owner.

Operation hours

18. (1) The repossession agent shall undertake repossession of goods comprised in a hire-purchase agreement from 9.00 am to 9.00 pm.

(2) If the repossession agent fails to undertake repossession within the time stipulated under subregulation (1), he may apply to the Controller for any extension of time as may be necessary.

Maintenance of records by the owner

19. (1) Every owner shall, in respect of every hire-purchase agreement, maintain and keep full and true records of the following matters:

- (a) the date of commencement of the hire purchase-agreement and the signing date of the agreement;
- (b) the reference number of the hire-purchase agreement;
- (c) a description of the goods comprised in the hire purchase agreement;
- (d) the cash price of the goods;
- (e) the amount paid or provided by way of deposit;
- (f) the amount of each monthly installment paid by the hirer;

(g) a copy of each receipt issued by the owner in respect of any installment paid, which shall contain particulars of the amount of money received from the hirer and the date on which the receipt is issued; and

(h) the details or records in respect of public auction.

(2) The particulars of the records shall be in the national language or the English language and shall be maintained and kept pursuant to subregulation (1) for a period of 7 years from the date of execution of the records.

(3) Any person who refused to furnish any information or document or furnish any false or misleading information under subregulation (1) commits an offence.

Maintenance of records by the repossession agent

20. (1) Every repossession agent shall, in respect of every repossession activities, maintain and keep full and true records of the following matters:

(a) records of repossession order issued to the repossession agent by the owner; and

(b) the descriptions of the goods repossessed.

(2) The particulars of the records referred to in subregulation (1) shall be in the national language or the English language and shall be maintained and kept for a period of 7 years from the date of execution of the records.

(3) Any repossession agent who refused to furnish any information or document or furnish any false or misleading information under subregulation (1) commits an offence.

Records of repossession agent

21. Every owner shall, in respect of every hire-purchase agreement, maintain and keep full, true and up-to-date records of the names and addresses of their repossession agent who is charged with the responsibility of taking possession of goods pursuant to section 16 of the Act.

PART IV
GENERAL

False or misleading statement

22. Any person who furnishes any particulars in applying for a permit under regulation 5 which he knows to be false or, in any material respect, misleading shall be guilty of an offence.

Contravention or failure to comply with these Regulations

23. Any person who contravenes or fails to comply with any provisions of these Regulations shall be guilty of an offence.

Revocation

24. The Hire-Purchase (Recovery of Possession and Maintenance of Records by Owners) Regulations 1976 [*P.U. (A) 1/1977*] published on 6 January 1977 are revoked.

SCHEDULE
FEES
(regulation 9)

Regulation	Matters	Amount of fees (RM)
1. Regulation 6	Grant of permit	10.00 per year
2. Regulation 7	Renewal of permit	10.00 per year
3. Regulation 8	Replacement of permit	20.00 each replacement

Made 13 June 2011
[KPDN(BUU)(PU2)26/5/16; PN(PU2) 317/II]

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
*Minister of Domestic Trade,
Co-operatives and Consumerism*